



AL-QUR'AN : ANJURAN SEMASA MENGKHATAM

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Perkara-Perkara Yang Dianjurkan Semasa Khatam Al-Qur'an

Terdapat beberapa perkara yang dianjurkan semasa khatam al-Qur'an, antaranya:-

1) Berpuasa pada hari khatam al-Qur'an

Orang yang hendak mengkhataam al-Qur'an sunat dia berpuasa di hari khatam tersebut kecuali jika bertepatan dengan hari yang ditegah berpuasa seperti hari-hari Tasyriq, hari raya aidilfitri, hari raya aidiladha dan hari-hari syak. Menurut riwayat dari Ibnu Abu Daud dengan isnad shahih, bahawasanya para Tabi'en *Rahimahumullah* seperti Thalhah bin Musharrif, Habib bin Abu Thabit dan Musayyib bin Rafi' berpuasa pada hari mereka mengkhataam al-Qur'an.

2) Menjemput dan menghimpunkan ahli terdekat

Apabila hendak mengkhataam al-Qur'an, dianjurkan supaya menjemput dan menghimpunkan sanak saudara dan rakan-rakan pada majlis tersebut sebagaimana yang diterangkan dalam sebuah riwayat daripada Tsabit bin Aslam *Radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

()

Maksudnya: *“Apabila Anas bin Malik mengkhataam al-Qur’an, dia menghimpunkan anaknya dan ahli keluarganya lalu dia pun berdoa untuk mereka.”*

(Hadits riwayat ad-Darimiy)

Anjuran untuk menghimpunkan sanak saudara dan rakan-rakan dalam majlis khatam al-Qur’an adalah bertujuan untuk sama-sama mendapatkan keberkatan dan rahmat hasil daripada doa yang dipanjatkan dalam majlis tersebut kerana doa semasa khatam al-Qur’an adalah mustajab. Ini berdasarkan riwayat daripada Mujahid Radhiallahu ‘anhu:

:

:

()

Maksudnya: *“Telah datang kepadaku (utusan), dia berkata: Sesungguhnya kami menjemputmu kerana kami hendak mengkhataam al-Qur’an. Sesungguhnya telah sampai kepada kami bahawa doa diperkenankan ketika khatam al-Qur’an.”*

“Dia (Mujahid) berkata: Maka mereka pun berdoa (pada majlis khatam) dengan berbagai doa.”

(Hadits riwayat ad-Darimiy)

3) Menghadiri majlis khatam al-Qur’an

Menghadiri majlis khatam al-Qur’an adalah sangat digalakkan. Menurut riwayat dari Imam al-Bukhari dan Imam Muslim,

Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah menyuruh perempuan yang sedang haidh untuk keluar rumah pada hari raya dengan tujuan menghadiri majlis yang berkebajikan seperti majlis ilmu dan majlis-majlis yang terkandung di dalamnya doa seperti majlis khatam al-Qur’an.

Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma* sendiri pernah menyuruh orang untuk mengawasi dan membimbing orang lain yang membaca al-Qur’an. Apabila sahaja hendak mengkhatam bacaannya, Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma* segera dimaklumkan lalu beliau pun menghadiri majlis tersebut.

4) Bertakbir di antara surah-surah akhir

Dianjurkan untuk membaca takbir () selepas setiap penghujung surah, bermula daripada surah adh-Dhuha hinggalah surah an-Nas. Ini berdasarkan sebuah riwayat dari ‘Ikrimah bin Sulaiman, beliau berkata:

:

:

()

Maksudnya: *“Aku telah membaca (al-Qur’an) di hadapan Isma‘il bin ‘Abdullah bin Qusthanthin. Apabila sampai surah adh-Dhuha, beliau berkata kepadaku: Bacalah takbir selepas setiap penghujung surah sehingga engkau selesai (dari membaca al-Qur’an).*

Sesungguhnya aku (Isma‘il) telah membacanya di hadapan ‘Abdullah bin Katsir, dan apabila sampai surah adh-Dhuha, beliau (‘Abdullah) berkata kepadaku: Bacalah takbir selepas setiap penghujung surah sehingga engkau selesai (dari membaca al-Qur’an).

Dan mengkhabarkan ‘Abdullah bin Katsir kepadaku (Isma‘il) bahawasanya beliau (‘Abdullah) pernah membaca (al-Qur’an) di hadapan Mujahid lalu beliau (Mujahid) juga menyuruhnya (‘Abdullah) berbuat sedemikian. Dan mengkhabarkan Mujahid kepadanya (‘Abdullah) bahawa Ibnu ‘Abbas juga menyuruhnya (Mujahid) berbuat demikian.

Dan mengkhabarkan Ibnu ‘Abbas kepadanya (Mujahid) bahawa Ubai bin Ka‘ab juga menyuruhnya (Ibnu ‘Abbas) berbuat demikian. Dan mengkhabarkan Ubai bin Ka‘ab kepadanya (Ibnu ‘Abbas) bahawa Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam menyuruhnya (Ubai) berbuat demikian.”

(Hadits riwayat al-Baihaqi)

5) Berdoa sejeurus selesai khatam

Berdoa sejeurus sahaja selesai mengkhatam bacaan 30 juz dari ayat-ayat al-Qur’an adalah sangat dianjurkan.

Menurut riwayat ad-Darimiy, daripada Humaid al-A‘raj *Rahimahullahu Ta‘ala*, beliau berkata:

()

Maksudnya: *“Barangsiapa yang membaca al-Qur’an, kemudian dia berdoa sesudahnya, nescaya doanya akan diaminkan oleh empat ribu malaikat.”*

(Hadits riwayat ad-Darimiy)

Oleh itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh membaca doa setelah khatam al-Qur’an dengan menzahirkan rasa meminta dan mengharapkannya daripada Allah.

Sebaik-baiknya doa itu mengandungi perkara-perkara penting dengan menggunakan kalimah-kalimah yang luas maknanya, mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan akhirat dan kepentingan umat Islam. Begitu juga memohon doa untuk kemaslahatan pemerintah dan ketua-ketua agar diberi taufiq untuk berbuat taat, terpelihara daripada menyalahi perintah Allah, membantu mereka di dalam perkara-perkara berkeadilan dan takwa, menegakkan kebenaran dan memelihara mereka daripada musuh-musuh agama dan penentang-penentang lain.

Al-Hakim Abu ‘Abdullah an-Naisaburi telah meriwayatkan dengan sanadnya bahawa hampir semua doa yang dibaca Abdullah bin al-Mubarak *Radhiallahu ‘anhu* semasa khatam al-Qur’an mengandungi urusan umat Islam dan para mukminin.

6) Memulakan semula bacaan al-Qur’an setelah mengkhatamnya

Dianjurkan untuk terus memulakan bacaan yang baru apabila sahaja selesai mengkhatam al-Qur’an. Cara begini adalah disukai oleh para salaf dan khalaf.

Oleh yang demikian, jelas kepada kita bahawa khatam al-Qur'an juga memiliki aturan dan keistimewaan yang boleh menambahkan lagi perolehan pahala, selain merupakan waktu di mana doa sangat mudah diperkenankan. Dari itu, umat Islam perlu mengetahui dan memahami maksud sebenar khatam al-Qur'an dengan melakukan perkara-perkara yang dianjurkan ketika khatam al-Qur'an, bersungguh-sungguh dalam berdoa, tidak mempermudah-mudahkannya dan janganlah dijadikan majlis khatam al-Qur'an itu sebagai ceremonial semata-mata, bahkan ia merupakan ibadat dan dituntut dalam Islam.